

PELUASAN SEMANTIK KATA SIFAT *RINGAN*: SATU ANALISIS MODEL JARINGAN LANGACKER (1988)

NORFAZILA AB. HAMID
Kolej Universiti Islam Antarabangsa
norfazila@kuis.edu.my

ABSTRAK

Makalah ini cuba menghuraikan peluasan semantik kata sifat '*ringan*' dengan menggunakan Model Jaringan Langacker. Model Jaringan kata sifat *ringan* yang digambarkan ini memperlihatkan telah berlakunya ketiga-tiga hubungan pengkategorian yang memperlihatkan peluasan makna berdasarkan data yang diperoleh daripada data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Kata sifat *ringan* diketengahkan kerana kata *ringan* ini adalah satu kata yang tergolong sebagai kata yang berpolisemi. Analisis kata sifat *ringan* ini memperlihatkan bahawa peluasan makna berlaku secara sistematik berdasarkan ayat dan konteks penggunaan. Walaupun pada dasarnya kata sifat *ringan* ini sinonim dengan makna terasnya iaitu merujuk kepada ukuran, namun hasil analisis melalui contoh-contoh ayat yang telah dipaparkan melalui data korpus ini membuktikan bahawa peluasan makna kata *ringan* ini turut berkait dengan 8 domain lain seperti abstrak (idiomatik), abstrak (perasaan), abstrak (bunyi), abstrak (kuasa), abstrak (masa), abstrak (makanan), *abstrak* (aktiviti) dan abstrak (bahan bacaan). Ternyata, dengan menggunakan Model Jaringan Langacker ini, sesuatu kata yang ingin memperlihatkan perluasan makna dapat direpresentasikan dengan mudah dan jitu. Oleh itu, dengan terhasilnya makalah ini diharap pembaca dapat memantapkan lagi kajian tentang peluasan semantik kata *ringan* ini, kerana penulis beranggapan masih ada lagi domain yang boleh menjelaskan peluasan semantik *ringan* ini. Sehubungan itu, kajian ini secara tidak langsung dapat mengukuhkan serta memperkayakan lagi kajian dalam bidang ilmu semantik.

Kata kunci: peluasan semantik; kata sifat '*ringan*'; Model Jaringan Langacker; polisemi; ukuran kuantiti

AN EXTENSION OF THE SEMANTICS OF ADJECTIVES 'LIGHT': ANALYSIS OF LANGACKER NETWORK MODEL (1988)

ABSTRACT

This paper describes the extension of the semantics of adjectives 'light' use Langacker Network Model. Network Model adjective 'light' is illustrated to show the occurrence of the three relationships are expanding the meaning of categorization based on data obtained from the corpus data Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). The adjective 'light' is analyzed as the word 'light' is a word that belongs as polysemy. Analysis of the adjective 'light' shows the extension of the meaning systematically by its position in the sentence and context. Basically, the adjective 'light' is synonymous with its core meaning refers to the size, but the analysis with examples of sentences that have been shown through the data corpus proves that the expansion of the meaning of this word is also related to other domains such as abstract 8 (idiomatic) abstract (sentiment), abstract (sound), abstract (power), abstract (time), abstract (food), abstract (activities) and abstract (reading). In fact, using this Langacker Network Model, a word you want to show the extension of the meaning can be represented by a simple and precise. Therefore, this paper is expected to be produced from the reader can

further research on the semantics of this extension, as the author believes there is still a domain that can be discussed again. This study may indirectly strengthen and enrich the research in the field of semantics.

Keywords: semantic expansion; adjective 'light'; Langacker Network Model; polysemy; measure of the quantity

PENDAHULUAN

Ilmu semantik ialah ilmu yang berkaitan rapat dengan pengkajian tentang makna. Pengkajian tentang makna pada peringkat semantik ini, hanya terhad kepada maklumat linguistik sahaja (Nor Hashimah Jalaluddin, 1992: 1). Menurut Sperba dan Wilson (1986: 1), pengkajian makna pada peringkat semantik belum dapat memberikan makna sepenuhnya sebagaimana yang dikehendaki oleh penutur. Pengkajian makna seharusnya melibatkan ilmu pragmatik, iaitu ilmu penginterpretasian makna yang melibatkan faktor bukan linguistik. Kombinasi antara kedua-dua faktor linguistik dan bukan linguistik ini benar-benar dapat membantu pengkajian makna yang lebih berkesan (Nor Hashimah Jalaluddin, 1992: 1).

Oleh itu, bolehlah dikatakan semantik ialah istilah yang merujuk kepada kajian makna, dan oleh sebab makna itu adalah sebahagian daripada bahasa maka semantik juga menjadi sebahagian daripada linguistik. Apabila membicarakan tentang bahasa, bolehlah dikatakan bahasa adalah alat yang paling penting dan sering digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi. Alat komunikasi yang penting ini bukanlah satu fenomena semulajadi, sebaliknya harus dipelajari dan dikuasai bagi memudahkan kelancaran dalam berkomunikasi. Oleh itu, manusia hanya boleh menyampaikan sesuatu maksud dengan menggunakan bahasa dan dengan bahasa jugalah kita dapat memahami maksud yang hendak disampaikan. Namun, bahasa tidak dapat memainkan peranannya dengan berkesan sekiranya pengguna bahasa itu tidak cekap menguasai bahasa yang dituturkan itu.

Menurut aliran struktural, bahasa dianggap sebagai suatu yang keseluruhannya boleh dipecah-pecahkan menjadi unit yang lebih kecil. Analisis bahasa, biasanya dimulai dengan unit yang terkecil, iaitu fonem menuju ke unit yang lebih besar, setelah membahagikan bahasa kepada unit-unit yang lebih kecil. Tugas bahasa, ialah mencari sistem atau pola di sebalik unit-unit kecil itu. Chomsky menamakan kajian seperti ini, ialah kajian taksonomi (Farid M. Onn, 1988: 170).

Manakala, Abdullah Hassan (1980) menganggap bahasa ialah sebagai gabungan di antara bentuk dan jisim, serta dikaji pada peringkat yang berlainan termasuklah makna. Oleh itu, melalui konsep medan makna ini, sesuatu kata itu diandaikan bermakna dalam hubungannya dengan kata-kata lain yang berkaitan. Ini boleh dikaitkan seperti seperanggu kata yang terdapat di dalam kamus akan mempunyai satu makna teras (*genus*) dan makna-makna lain akan terbentuk secara berkaitan (*polisemi*). Oleh itu, makalah ini cuba menghuraikan peluasan semantik kata sifat '*ringan*' ini dengan menggunakan Model Jaringan Langacker. Model Jaringan kata sifat *ringan* yang digambarkan ini memperlihatkan telah berlakunya ketiga-tiga hubungan pengkategorian yang memperlihatkan peluasan makna berdasarkan data yang diperolehi daripada data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Kata sifat *ringan* ini diketengahkan kerana kata *ringan* ini adalah satu kata yang tergolong sebagai kata yang berpolisemi. Analisis kata sifat *ringan* ini memperlihatkan bahawa peluasan makna berlaku secara sistematik berdasarkan ayat dan konteks penggunaan. Sebelum menghurai atau menjelaskan peluasan semantik kata *ringan* ini, terlebih dahulu penulis memaparkan maksud kata sifat *ringan*, polisemi kata ringan daripada Kamus Dewan, seterusnya barulah penulis aplikasikan kata sifat *ringan* dengan berlandaskan Model Jaringan Langacker (1988).

KATA SIFAT RINGAN

Menurut Asmah Hj Omar (1982: 130), kata sifat adalah subgolongan dari golongan kata karyaan. Dilihat dari fungsinya dalam ayat, kata sifat mempunyai persamaan dengan kata kerja tak transitif dalam erti kata kedua-duanya tidak mengambil objek. Namun begitu, ada beberapa perbezaan antara keduanya, iaitu kata sifat mempunyai penambah sendiri demikian juga dengan kata kerja. Di samping itu, kata sifat ini boleh memasuki skala perbandingan, sedangkan kata kerja tidak. Kata sifat ini pula boleh dibahagikan kepada subgolongan tertentu berdasarkan komponen-komponen maknanya dan juga hubungan sintagmatiknya dengan kata-kata lain dalam frasa.

Asmah Hj Omar (1982: 130-131) menyatakan bahawa kata sifat ini mempunyai 11 bentuk iaitu kata sifat tabii, sifat warna, sifat ukuran, sifat bentuk, sifat indera, sifat gabungan indera, sifat waktu, sifat jarak, sifat kecepatan, sifat kuasa tenaga, dan sifat taraf. Dalam kertas kerja ini kata sifat *ringan* yang dipilih oleh penulis ialah kata sifat yang tergolong dalam *Kata Sifat Ukuran*. Menurut Asmah Hj Omar (1982: 131), sifat ukuran adalah kata sifat yang merujuk kepada ukuran benda bernyawa atau tak bernyawa, konkrit, atau abstrak. Contoh kata-kata itu adalah sebagai berikut: besar, kecil, gemuk, kurus, panjang, tebal, nipis, berat, ringan, dan sebagainya. Seperti yang ternyata dari contoh-contoh ini, kata sifat ukuran menerangkan saiz atau berat subgolongan ini kepada kata sifat ukuran saiz dan kata sifat ukuran kapasiti. Kata ukuran juga tidak dapat berdiri sebagai adverba.

POLISEMI KATA SIFAT RINGAN

Bentuk polisemi ini ialah satu bentuk yang termasuk dalam konteks dan seperingkat dalam bidang semantik serta menjadi salah satu aspek yang terpenting dalam bidang perkamusan. Konsep polisemi ini, membawa pengertian sebagai perkataan yang dapat dikaitkan dengan berbagai-bagai makna yang berbeza tetapi masih bertalian (Noresah Baharom, 1993: 258). Manakala menurut Abdul Chaer (1990: 104) pula, polisemi boleh diertikan sebagai satuan bahasa (terutama kata atau frasa) yang memiliki lebih daripada satu makna. Oleh itu, bolehlah dikatakan bahawa proses polisemi ini berlaku apabila sesuatu perkataan itu mempunyai lebih daripada satu makna dan lazimnya makna yang diberikan itu bertentangan dengan makna teras. Oleh itu, dalam makalah ini kata sifat *ringan* diketengahkan kerana kata *ringan* ini adalah satu kata yang tergolong sebagai kata yang berpolisemi. Menurut Imran Ho Abdullah (2000), polisemi sama ada sedikit atau banyak, perlu dihuraikan dengan tertib berdasarkan prinsip kognitif yang dikemukakan dalam kerangka linguistik kognitif. Dalam kamus, bentuk polisemi kata sifat *ringan* ini diberi penyajian seperti yang dipaparkan dalam data 1 berikut:

ringan 1. tidak berat, enteng: kayu; *bungkusan yg diangkat dgn sebelah tangan*; 2. senang dilakukan atau dijalankan (pekerjaan, pembayaran, dll), mudah: *pekerjaan guru bahasa bukanlah pekerjaan yg ~*; 3. tidak mendalam (kandunganya dsb), tidak menimbulkan kerumitan atau kesulitan (kpd pembaca, pelajar, dsb): *akhbar dan majalah yg popular sering memuatkan cerpen-cerpen yg bersifat ~*; *bahan-bahan bacaan ~*; 4. tidak penting, tidak mustahak, enteng, kecil, remeh (perkara dll): *sikap permusuhan antara kedua-dua negara itu tidak boleh dipandang ~*; *dikenakan cukai yg ~*; *kesalahan-kesalahan yg kecil sahaja*; perbualan-perbualan mengenai perkara-perkara remeh; najis ~ najis yg memadai disucikan dgn hanya menjirus air sahaja (kencing anak laki-laki di bawah umur dua tahun yg meminum susu ibunya sahaja); 5. tidak terlalu (sangat), tidak berbahaya (penyakit dll), tidak berat: *akibat drpd pertempuran itu, beberapa orang mendapat luka ~*; 6. tidak memabukkan


(minuman, tembakau, dll): *mereka menyajikan minuman ~*; 7. ringkas dan tidak mengenyangkan (bkn makanan), hidangan makanan yg tidak begitu mengenyangkan (bkn jamuan): *jamuan ~*; 8. ~ mudah, ringkas (pakaian): *ia berpakaian ~*; 9. perlahan, rendah (suara dll): *kalimat itu diikuti oleh keluhan ~*; ia melenggang menuju ke daun pintu; 10. kecil-kecil, halus-halus, tidak lebat (hujan): kadang-kadang rintik-rintik hujan yg berpangkalan itu turun dgn kasarnya, kadang-kadang ~ pula; 11. cepat mengeluarkan buah (tanaman): *padi ~*; *pisang ~*; ~ *kaki suka* berkunjung (melawat dll); ~ *kepala* mudah memahami (mengerti) ajaran; ~ *mulut* (lidah) a) peramah, lancar, dan fasih tutur katanya, suka bercakap; b) suka cerewet (banyak mulut); ~ tangan a) suka menolong, cepat berbuat se-suatu; b) suka mengambil hak orang, gemar mencuri; ~ *tulang* rajin bekerja, tangkas; ~ *sama dijinjing*, *berat sama dipikul* = *berat sepikul*, ~ *sejinjing* prb bersama-sama mengerjakan sesuatu; ~ *tulang berat perut* prb siapa yg rajin bekerja, ia banyak beroleh rezeki

(Kamus Dewan Edisi Ketiga, 1998: 1140-1141).

Dilihat daripada data yang diambil daripada Kamus Dewan ini, jelas memaparkan bahawa kata sifat *ringan* ini mengandungi satu makna teras dan 10 makna pinggirannya.

MODEL JARINGAN LANGACKER (1988)

Bagi menjelaskan proses peluasan semantik berlaku dalam sesuatu bahasa yang diujarkan, pada tahun 1988 Langacker telah memperkenalkan satu bentuk model jaringan yang mengandungi semua maklumat kognitif yang diperlukan bagi merepresentasikan bentuk struktur semantik bagi sesuatu kata atau ujaran. Dalam model ini, bagi setiap kategori dianalisis sebagai nod yang kemudiannya dihubungkan dengan nod-nod yang lain melalui pelbagai kategori. Salah satu hubungan ini ialah ekstensi daripada sama ada *prototaip local* atau satu *prototaip global*. Oleh itu, model ini telah memperkenalkan tiga (3) bentuk hubungan pengkategorian bagi menjelaskan bagaimana representasi semantik yang berlaku dalam jaringan ini. Rajah di bawah menunjukkan Model Jaringan Langacker (1988):




RAJAH 1: Model Jaringan Langacker (1988)

Daripada rajah jaringan di atas, kategori pertama ialah [A] \dashrightarrow [B] melambangkan bahawa [B] iaitu ekstensi tidak sama dengan [A] iaitu prototaip tetapi masih dikategorikan oleh [A]. Manakala nosi ekstensi yang dilambangkan dengan anak panah (\dashrightarrow) ialah menunjukkan terdapatnya konflik dalam spesifikasi antara nilai teras dan ekstensi. Kategori kedua ialah [A] $\leftarrow\text{-----}\rightarrow$ [B] melambangkan hubungan yang berkaitan dengan satu pengkhususan iaitu [B] yang memenuhi spesifikasi [A]. Oleh itu, nosi ekstensi yang dilambangkan dengan anak panah (\longrightarrow) menunjukkan hubungan pengkategorian terletak di antara satu skema dengan satu struktur yang memperincikan skema. Seterusnya, kategori ketiga ialah, [A] \longrightarrow [B] melambangkan hubungan persepsi saling menyamai antara [A] dan [B] (*mutual similarity*).

ANALISIS PELUASAN SEMANTIK KATA SIFAT *RINGAN*

Peluasan semantik kata sifat *ringan* ini wujud apabila berlakunya proses peminjaman perkataan yang disesuaikan dengan penggunaan penutur bahasa tersebut. Daripada beberapa makna yang disenaraikan dalam Kamus Dewan (1991) (rujuk data 1), makna pertama yang diberikan ialah *tidak berat, enteng* (menjurus kepada sifat ukuran kuantiti) bolehlah dianggap sebagai makna terasnya atau makna *prototypical*. Pada kebiasaannya dalam teknik penulisan dalam penyusunan kamus, makna teras lazimnya terletak pada senarai teratas atau pertama selepas sesuatu entri tersebut. Manakala, makna yang lain ialah dipanggil sebagai makna pinggiran yang terhasil akibat daripada peluasan makna prototaipnya (makna teras). Oleh itu, hasil daripada penerapan Model Jaringan Langacker (1988) yang digunakan dalam penelitian tentang peluasan kata sifat *ringan* ini dapat digambarkan seperti dalam rajah berikut:



RAJAH 2: Peluasan Makna Kata Sifat *Ringan*

RAJAH 2 menunjukkan hasil jaringan peluasan makna kata sifat *ringan* yang menggunakan Model Langacker (1988). Model jaringan kata sifat *ringan* yang digambarkan ini memperlihatkan berlakunya ketiga-tiga hubungan pengkategorian yang memperlihatkan peluasan makna berdasarkan data yang diperolehi daripada data korpus DBP. Dalam rajah tersebut, penulis mendapati makna prototaipnya kata sifat *ringan* yang bermaksud *tidak berat* digunakan untuk menyatakan *kuantiti*. Menurut Kamus Dewan Edisi Baru (1991: 662) kuantiti ialah *banyaknya, jumlah, bilangan* (sesuatu). Oleh itu, pewajaran penulis melabelkan makna teras bagi perkataan ini berkait dengan ukuran kuantiti timbangan sama ada *berat* atau *ringan* adalah berdasarkan makna yang diberikan oleh kamus dan bukti penemuan daripada data berikut:

UKURAN KUANTITI (makna prototaip)

1. Alia mengangkat teko air itu, tetapi mendapati teko itu begitu *ringan* tanpa mempunyai air di dalamnya.
2. Angkat teko, teko *ringan*.
3. Padi yang *ringan* dan tidak bernas bolehlah diasingkan dengan merendamkan benih padi dalam campuran air masin.
4. Biji benih dimasukkan ke dalam bancuhan tadi dan dikacau perlahan-lahan supaya biji benih yang bernas tenggelam dan yang *ringan* terapung.
5. Kanta kamera yang dulunya besar dan panjang telah dibuat lebih kecil dan *ringan*.
6. Oleh kerana ikan kelesa makan secara menyambar di permukaan air, cara memancing yang paling sesuai ialah dengan cara menghanyut umpan serangga ke dalam alur air yang menuju ke tepi-tepi tebing, batu pemberat yang *ringan* perlu \$116 anda gunakan.

Daripada contoh data di atas, jelas memaparkan bahawa kata sifat *ringan* ini berkait rapat dengan ukuran kuantiti sesuatu benda contohnya dalam ayat 1 ialah Alia mengangkat *teko yang ringan*. Daripada ayat 1 ini, teko yang diangkat oleh Alia itu ialah ringan jadi teko itu tidak berat dan begitu juga dengan ayat 2 kuantiti teko itu boleh ditimbang. Manakala ayat 3 dan 4 adalah berkait dengan *padi yang ringan* kuantitinya, ayat 5 berkait dengan *kamera yang ringan* kuantitinya dan ayat 6 pula berkait rapat dengan *batu pemberat yang ringan* sesuai mengail ikan kelesa. Daripada contoh-contoh ayat ini sememangnya wajar kuantiti tidak berat ini diberikan makna prototaipnya. Walaupun kata *ringan* ini berkait rapat dengan kuantiti tetapi *ringan* juga mengalami peluasan makna iaitu dengan memberi maksud abstrak yang menyatakan maksud yang lain seperti abstrak idiomatik, perasaan, bunyi, kuasa, masa, makanan, aktiviti, bahan bacaan, dan penilaian manusia.

Menurut Kamus Dewan Edisi Baru (1991: 2) abstrak ini membawa maksud *tidak berupa atau berrsifat kebendaan* (tidak dapat dilihat atau dirasa dengan pancaindera) *tidak konkrit atau maujud*. Peluasan makna *ringan* ini turut memberi makna abstrak bagi menyampaikan maksud. Contoh abstrak idiomatik atau bersifat metafora yang disampaikan melalui peribahasa, perumpamaan, ataupun bidalan. Contoh abstrak idiomatik adalah seperti data di bawah:

ABSTRAK (idiomatik)

1. Mereka semua **ringan** tulang.
2. "Berat sama kita pikul, **ringan** sama kita jinjing."
3. Kalau kita **ringan** tulang, perut akan kenyang.
4. Bimbang pula dia, nanti akan ada orang yang **ringan** mulut berkata, dia seperti sudah berjanji dengan gadis manis itu.
5. Perhubungan dengan jiran, **ringan** bagai benang sutera.
6. Tidak seorang pun yang **ringan** tangan menolong menyiapkan memberi hidangan mereka.

Daripada contoh ayat di atas jelas memaparkan kata sifat *ringan* ini tidak menunjukkan kuantiti sesuatu benda tetapi menyatakan kerajinan seseorang dalam melakukan kerja seharian. Contohnya ayat 1 dan 3 bukanlah membawa maksud *tulang itu ringan* tetapi makna *ringan* di situ berkait rapat dengan kerajinan seseorang dalam melakukan sesuatu kerja. Manakala dalam ayat 4 *ringan mulut* tidak boleh diukur tetapi dalam ayat tersebut membawa maksud seseorang yang suka menyampaikan cerita atau berita orang lain kepada orang lain. Manakala dalam ayat 6 bukanlah bermaksud tangan itu ringan, tetapi ayat tersebut membawa maksud tidak ada seorang yang sedia menghidangkan makanan kepada mereka.

Selain itu, kata sifat turut mengalami peluasan makna iaitu berkait rapat dengan domain *abstrak perasaan* yang sememangnya tidak boleh diukur dengan sebarang alat ukuran. Contohnya seperti dalam data di bawah:

ABSTRAK (perasaan)

1. Jiwanya terasa **ringan** bagaikan terlepas sesuatu yang berat dipikulnya.
2. Abah pasti gembira dan beban deritanya pasti **ringan** jika aku berada di sisi abah sepanjang waktu.
3. Kalau dulu aku ambil **ringan**, bersahaja dalam ibadahku tetapi sekarang aku cuba menghayati setiap perbuatan dalam sembahyangku.
4. **Ringan** rasa dadanya, tetapi air mata sudah pun terkumpul di kelopak matanya.
5. Dari bibir yang tebal dan sembab itu, Tukya cuba mengorak senyum untuk memberi tahu Lamin bahawa penderitaannya itu adalah penderitaan yang amat **ringan**.

Daripada data di atas, didapati kata sifat *ringan* dalam ayat 1-5 bukanlah bermakna ukuran kuantiti sesuatu benda tetapi sebagai satu keluhan melalui perasaan seseorang. Perasaan dalam Kamus Dewan Edisi Baru (1991: 1033) membawa maksud *perihal merasa dengan badan atau kulit*. Oleh itu, makna ini tidak berkait dengan kuantiti contoh ayat 1 dan 4 dan 5 *jiwa terasa ringan, ringan rasa dadanya, penderitaan yang amat ringan* tidak boleh diukur tetapi dapat dirasai apabila sesuatu kerja atau beban yang selama ini dibelenggu ataupun mengganggu kehidupan seseorang dapat diatasi. Begitu juga dengan ayat 3 yang berkait dengan pandangan remeh atau ringan seseorang sebelum ini tentang ibadah yang patut dilakukan. *Ringan* dalam ayat ini membawa maksud kesedaran seseorang tentang pengabaian tanggungjawab kepada Allah selama ini.

Sehubungan itu, abstrak bunyi adalah salah satu peluasan makna *ringan*. Bunyi dalam Kamus Dewan (1991: 176) membawa maksud *sesuatu yang kedengaran atau dapat didengar selain daripada suara manusia*. Bunyi yang terlibat daripada peluasan makna kata *ringan* ini tidak boleh diukur tetapi dapat didengar contoh data:

ABSTRAK (bunyi)

1. "Tak mengapa, saya tuan rumah, kemudian sedikit," katanya sambil gelak **ringan**.
2. "Ini Pak Rahmad dari utara, ini Pak Latif dari timur dan ini Pak Mahmud dari selatan; semuanya sebagai mewakili seluruh Malaysia." Pak Mail menunjuk-nunjuk sambil gelak-gelak **ringan**.
3. "Insya-Allah..." Aku gelak-gelak **ringan**.
4. Pertunjukan ini juga diiringi muzik **ringan**.
5. "Ya, ini saja; cukuplah," sambil ketawa **ringan**.
6. Kanak-kanak yang sedang buang air besar itu menyanyi lagi "Arya Mala" suaranya **ringan** tiada berirama.
7. Karaeng Dongkok berbual **ringan**.

Data di atas menunjukkan makna *ringan* membawa erti sesuatu perbuatan yang dapat didengar oleh pancaindera. Makna *ringan* di sini, tidak lagi diukur dengan alat ataupun benda pengukur. Contoh ayat 1-3 *gelak ringan* dalam ayat di atas membawa maksud bunyi yang keluar dari mulut adalah perlahan dan ia hanya diukur oleh pancaindera sahaja. Manakala ayat 4 *muzik ringan*, membawa maksud muzik yang biasa dan bersahaja. Manakala *suara ringan* dalam ayat 6 pula membawa maksud bunyi suara yang ringan iaitu perlahan dan tidak nyaring atau kuat. Manakala *berbual ringan* dalam konteks ayat 7 pula perbualan yang menjurus kepada topik yang ringan seperti tidak menyentuh aspek ekonomi, politik, dan pendidikan.

Menurut Kamus Dewan (1991:663), kuasa membawa maksud *daya atau kemampuan (untuk melakukan sesuatu)*. Daripada takrifan kuasa ini, jelas bertentangan dengan kata *ringan* oleh itu, abstrak kuasa ini menampakkan bahawa kata sifat *ringan* ini telah mengalami peluasan makna. Contohnya seperti data di bawah:

Abstrak (kuasa)

1. Seperti hentakan kakinya yang begitu **ringan** telah menerbitkan gema yang menggoncang.
2. Dia menyebut nama Tuhan pada kala hatinya berasa kosong, **ringan** dan begitu dekat dengan kematian.
3. Lazimnya kesalahan yang membawa hukuman **ringan** dibicarakan oleh Mahkamah Kadi, sementara kesalahan-kesalahan yang membawa hukuman yang berat dibicarakan oleh Mahkamah Kadi Besar.
4. Balasannya adalah neraka juga, tetapi lebih **ringan** dari pada orang-orang kafir, dan akan abadi.
5. Saya berpendapat hukuman ini amat **ringan** jika dibandingkan dengan hukuman yang diperuntukkan di bawah seksyen 22 Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, dan jika dibandingkan dengan keadaan semasa.
6. Lipas-lipas yang mati menjadi kering dan kemudian hancur menjadi serbuk yang tersangat **ringan** untuk diapungkan oleh udara yang bergerak.
7. Sembelit **ringan** biasanya dapat diatasi dengan memakan buah-buahan serta sayur-sayuran dan juga meminum air yang banyak.
8. Semakin tinggi kedudukan seseorang itu, semakin **ringan** hukuman yang dikenakan ke atasnya di sisi undang-undang.

Dalam ayat 1 *kaki yang ringan* itu bukanlah sesuatu kuantiti yang diukur tetapi membawa maksud kaki yang dihentakkan itu memberikan kuasa sehingga menerbitkan gema. Kuasa menyebut nama tuhan dalam ayat 2 boleh menyedarkan manusia tentang hari-hari kematian. *Ringan* dalam ayat 3, 4, dan 5 walaupun membawa maksud ukuran tetapi ukuran di sini berkait dengan dosa, amalan, dan perbuatan seseorang yang mana kuasa mahkamah atau Allah yang menentukannya. Manakala ayat 6 *sembelit ringan* ini boleh diatasi melalui khasiat buah-buahan serta sayuran. Oleh itu, makanan ini telah memberikan keupayaan untuk mengubati sakit sembelit ringan ini.

Sehubungan itu, peluasan kata *ringan* turut berlaku dengan membawa makna abstrak masa. Masa yang dimaksudkan oleh Kamus Dewan (1991:803) ialah *waktu, ketika*. Daripada pengertian takrifan ini jelas menampakkan dua definisi yang berbeza antara ringan dan masa. Namun begitu, makna kata *ringan* telah mengalami peluasan makna. Contohnya seperti data berikut:

ABSTRAK (masa)

1. Sejak hari itulah kerjanya menjadi **ringan**.
2. Di majlis jamuan **ringan**, mereka bertiga dikerumuni oleh para pemberita akhbar serta jurugambar.
3. Mula-mula seseorang itu akan berada di tahap separuh tidur; kemudian ia akan berada di dalam tahap tidur pertama, iaitu keadaan tidur bangkitan; diikuti dengan tahap kedua, iaitu tidur **ringan**; kemudian tahap ketiga, iaitu tidur nyenyak; dan akhir sekali tahap tidur keempat, iaitu tidur tersangat nyenyak.
4. Dalam keadaan yang agak **ringan** ubat mungkin tidak diperlukan.
5. Dalam keadaan yang **ringan**, gangguan identiti seks atau jantina sering berlaku.

Daripada contoh 1-5, penulis mendapati bahawa masa dan waktu menjadikan seseorang dapat melakukan kerja dengan lebih teratur dan mudah. Oleh itu *ringan* dalam contoh ayat ini membawa erti masa dan keadaan bagi meringankan beban seseorang.

Selain itu, abstrak (makanan) juga salah satu hasil daripada perluasan makna kata *ringan*. Makanan yang dimaksudkan dalam ayat di bawah bukanlah makanan yang ditimbang tetapi panggilan yang diberikan oleh manusia terhadap makna makanan ini. Contohnya ialah *ringan-ringan* membawa maksud makanan yang kemungkinannya tidak mengenyangkan seperti kentang dan oren. Manakala, *minuman ringan* ini boleh ditafsirkan kepada dua kategori. Kategori yang pertama ialah kandungan minuman itu sendiri contohnya minuman yang tidak mengandungi alkohol iaitu minuman yang tidak memabukkan. Manakala, kategori yang kedua ialah minuman yang siap dibancuh contohnya ialah minuman dalam tin. Label yang diberikan kepada minuman dalam tin sebagai *minuman ringan* kerana seseorang tidak perlu bersusah payah untuk membancuh minuman itu apabila terasa dahaga. Oleh sebab itu, minuman ini diberikan label sebagai *minuman ringan*. Contohnya seperti dalam data di bawah:

ABSTRAK (makanan)

1. "Saya hendak yang **ringan-ringan** saja." Saadan memesan kentang goreng dan oren.
2. "Kita setuju makan yang **ringan-ringan** dulu."
3. Kami dijamu minuman **ringan** untuk pembasah tekak.
4. Di bilik khas ini kami dijamu minuman **ringan** dan diperkenalkan kepada semua Pegawai Lembaga Persahabatan yang ada di situ.
5. Hidangannya lebih **ringan** tetapi banyak ikan kukus dan goreng.

Aktiviti selalunya dikaitkan dengan *kegiatan* (Kamus Dewan 1991: 21). *Ringan* dalam ayat di bawah berkait rapat dengan kegiatan yang dilakukan dan bukanlah ukuran sesuatu kuantiti yang dibicarakan. Contohnya seperti dalam ayat-ayat berikut:

ABSTRAK (aktiviti)

1. Agak lebih mengusarkan ialah salah seorang di antara mereka telah menyapa Jailani dan katanya "bersendirian sahaja" Jailani ketika itu sedang membuat senaman **ringan**, setelah melakukan acara berlari.
2. Dia bersenam **ringan**.
3. Kini acara jamuan **ringan** pun bermula.
4. Dua tiga orang daripada mereka tolong sama mengangkatkan barang-barang yang **ringan** dari lori itu.
5. Saya dibenarkan menjalankan kerja-kerja yang **ringan-ringan** sahaja seperti memberi makanan kepada ternakan, menyemburkan tanaman dan memainkan dengan anak-anak.

Dalam ayat 1 dan 2 *senaman ringan* ini, bukanlah sesuatu benda yang boleh diukur tetapi sejenis kegiatan yang tidak meletihkan badan. Manakala, *jamuan ringan* ini membawa erti aktiviti atau majlis yang diadakan oleh sekelompok manusia pada satu tempat supaya dapat berkumpul dan menikmati makanan yang dihidangkan. Manakala ayat 5 turut memaparkan seseorang yang melakukan sesuatu kegiatan dan kerja yang tidak memenatkan. Ukuran yang berlaku dalam abstrak aktiviti ini berkait dengan kegiatan yang bersahaja dan tidak memenatkan.

Seterusnya, ialah domain abstrak bahan bacaan. Abstrak bahan bacaan ini membawa erti, label yang diberikan oleh seseorang terhadap kandungan bahan bacaan tersebut adalah ringan dan pembaca tidak perlu memeningkan kepala untuk memikirkan bahan bacaan tersebut. Selalunya bahan *bacaan ringan* ini berkait rapat dengan majalah hiburan dan kandungan isi dalam *bacaan ringan* ini mudah untuk pembaca memahaminya. Contohnya, seperti dalam beberapa ayat berikut:

ABSTRAK (bahan bacaan)

1. Dalam keadaan begini dia lebih suka membaca buku-buku **ringan** untuk melapangkan fikirannya.
2. Walaupun 67% daripada sample kajian menyatakan mereka membaca sesuatu majalah dalam masa enam bulan, tetapi jenis majalah yang dibaca kebanyakannya adalah majalah hiburan dan majalah **ringan**.
3. Memang kalau membaca, aku boleh membaca buku Inggeris yang **ringan** dengan agak baik.
4. "Di mana?" "Di surat khabar, di majalah-majalah **ringan** dan kadang-kadang di radio." Jawabku.
5. Kebanyakannya majalah hiburan dan majalah yang agak **ringan** isinya.

Ringan dalam ayat 1- 5 bukanlah menunjukkan sesuatu kuantiti yang diukur ataupun berapa beratnya buku atau bahan bacaan tersebut. Maksud sebenar **ringan**; *membaca buku-buku ringan* (ayat 1), *majalah hiburan dan majalah ringan* (ayat 2), *buku Inggeris yang ringan dengan agak baik* (ayat 3), *majalah-majalah ringan* (ayat 4) dan *majalah yang agak ringan isinya* (ayat 5) ialah bahan bacaan yang mudah difahami isinya, boleh difahami oleh pelbagai lapisan pembaca sama ada pembaca terdiri daripada golongan berpendidikan tinggi atau tidak dan isi bahan bacaan ini lebih bersifat santai.

KESIMPULAN

Analisis kata sifat *ringan* ini memperlihatkan bahawa peluasan makna berlaku secara sistematik berdasarkan ayat dan konteks penggunaan. Ternyata, dengan menggunakan Model Jaringan Langacker ini, sesuatu kata yang ingin memperlihatkan peluasan makna dapat direpresentasikan dengan mudah dan jitu. Walaupun pada dasarnya kata sifat ini sinonim dengan makna terasnya iaitu merujuk kepada ukuran, namun hasil analisis melalui contoh-contoh ayat yang telah dipaparkan melalui data korpus ini membuktikan bahawa peluasan makna kata sifat *ringan* ini turut berkait dengan 8 domain lain seperti abstrak (idiomatik), abstrak (perasaan), abstrak (bunyi), abstrak (kuasa), abstrak (masa), abstrak (makanan), abstrak (aktiviti) dan abstrak (bahan bacaan). Walaupun penulis telah memaparkan 8 domain lain yang berkait dengan kata ringan ini, namun penulis berpendapat bahawa masih ada lagi makna domain lain selain yang dipaparkan dalam makalah ini. Oleh itu, diharap pembaca dapat mengkajinya semula setelah membaca makalah ini bagi memantapkan lagi peluasan semantik kata *ringan* ini, dan sekaligus dapat mengukuhkan serta memperkayakan lagi kajian dalam bidang ilmu semantik.

RUJUKAN

- Abdul Chaer. 1990. *Pengantar semantik bahasa Indonesia*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Abdullah Hassan. 1980. *Linguistik am untuk guru bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 1994. *Tatabahasa dinamika berdasarkan Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Asmah Haji Omar. 1982. *Nahu Melayu mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farid. M. Onn. 1988. Konsep dasar teori fonologi generatif. Dlm. Nik Safiah Karim (Peny.) *Linguistik Tranformasi Generatif: Satu penerapan pada bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 169-180.

- Imran Ho Abdullah. 2000. *Analisa semantik kognitif pernyataan perbandingan: Lebih dan kurang*. (Konstruksi perbandingan bahasa Melayu-pendekatan linguistik kognitif). Kertas kerja, Persidangan Pengajian Melayu Ke-2, Beijing, China, Oktober.
- Kamus Dewan*. 1991. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Baru.
- Kamus Dewan*. 1998. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Ketiga.
- Langacker, R. 1988. *Foundations of cognitive grammar. Vol 1: Theoretical prerequisites*. Stanford, Da: Stanford University Press.
- Noresah Baharom. 1993. Pengendalian homonimi dalam kamus Melayu dan Inggeris. *Jurnal Bahasa Mac*, 256-261.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 1992. *Semantik dan pragmatik: Satu pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sperber, D. & Wilson, D. 1986. *On grice theory of conversation*. Oxford: Basil Blackwell.

Biodata Penulis:

Norfazila Ab. Hamid

Penulis merupakan Pensyarah Bahasa Melayu di Unit Bahasa, Jabatan Peradaban dan Potensi Insan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Bidang kepakaran beliau adalah dalam linguistik bandingan dan dialektologi.